

07 MAY 1998

LEAD Mahathir-Jawatan

TIADA PENGUMUMAN MENGENAI KETUA MENTERI BARU

KOTA KINABALU, 7 Mei (Bernama) -- Spekulasi mengenai siapa yang akan dilantik Ketua Menteri baru daripada kalangan masyarakat Bumiputera bukan Islam di Sabah akan berterusan sekurang-kurangnya untuk beberapa hari lagi berikutan keputusan Perdana Menteri untuk tidak membuat sebarang pengumuman mengenai perkara itu hari ini.

"Saya tidak akan mengumumkan nama Ketua Menteri baru hari ini," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang berita di akhir lawatannya ke Sabah.

Katanya keputusan itu "hanya kerana saya datang ke sini untuk mendengar dan bercakap kepada para pemimpin bagi menjelaskan mengenai masalah yang kita hadapi dan perlunya sebuah kerajaan yang amat kukuh di Sabah, terutama kerana kita sedang menghadapi masalah ekonomi."

"Disebabkan itu saya datang ke sini untuk berbincang dengan para pemimpin Barisan Nasional, menteri-menteri serta para pemimpin lain," katanya mengenai perjumpaan tertutupnya selama satu setengah jam dengan ketua-ketua parti komponen BN Sabah serta para anggota kabinet negeri.

Mengenai sama ada "persetujuan" telah dicapai di kalangan parti-parti komponen mengenai siapa yang harus dilantik ke jawatan itu, pengerusi BN itu berkata mereka telah menyuarakan pendapat mereka dan "mereka berjanji kepada saya bahawa siapa sahaja yang saya pilih, mereka akan sokong."

Jangkaan ramai mengenai siapa yang akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri itu daripada Datuk Yong Teck Lee mengikut sistem penggiliran adalah sama ada Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup atau Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar negeri Tan Sri Bernard Dompok.

Kurup merupakan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) dan Dompok Presiden Parti Demokratik Sabah, kedua-duanya parti komponen BN negeri.

Perdana Menteri membuatkan yang hadir ketawa semasa menjawab satu pertanyaan mengenai siapa yang dalam fikirannya akan memegang jawatan itu dan secara bergurau berkata: "Ya, dalam fikiran saya ini saya mempunyai beberapa nama, (tetapi) saya belum dapat pastikan di bahagian mana dalam fikiran saya ini nama itu berada."

Beliau juga tidak menjangkakan sebarang masalah akan timbul daripada sistem penggiliran itu kerana BN Sabah amat matang dan memahami konsep BN.

Ditanya mengenai tarikh pengumuman Ketua Menteri baru itu, Dr Mahathir berkata ia pastinya akan diketahui selewatnya-lewatnya 27 Mei (tarikh akhir Yong memegang jawatan itu) atau sekembalinya dari lawatan rasmi ke Mesir bermula Jumaat dan menghadiri Sidang Kemuncak G-15 di Kaherah.

Idea mengenai penggiliran jawatan itu dikemukakan oleh Perdana Menteri beberapa hari sebelum pilihan raya negeri pada 1994 untuk memberikan para pemimpin ketiga-tiga masyarakat utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- peluang untuk memimpin kerajaan negeri setiap seorang selama dua tahun.

Mengikut sistem itu, Tun Sakaran Dandai merupakan yang pertama dilantik ketua menteri dan digantikan Datuk Salleh Tun Said apabila Sakaran dilantik Yang Dipertua Negeri.

Salleh kemudian menyerahkan jawatan itu kepada Yong pada 28 Mei 1996.

Dr Mahathir juga berkata sistem itu akan diteruskan walaupun selepas pilihan raya negeri yang akan datang kerana ia berjalan baik di Sabah.

Mengenai sama ada akan berlaku pilihan raya negeri lebih awal di Sabah, Dr Mahathir berkata: "Itu kita harus pertimbangkan. Pilihan adalah terbuka bagi kita...sama ada (pilihan raya akan diadakan) lebih awal atau

kemudian."

Ditanya sama ada kenyataannya semasa kunjungan terakhirnya ke Sabah pada Februari, bahawa ketua menteri baru tidak seharusnya merupakan timbalan ketua menteri masih terpakai, Dr Mahathir berkata pilihan adalah terbuka.

Mengenai kriteria bagi pelantikan ke jawatan itu, beliau berkata: "Tidak banyak kriteria...selagi seseorang itu mendapat sokongan setiap orang dan memikirkan dirinya sebagai seorang rakyat Sabah dan Malaysia."

Mengenai kemungkinan satu rombakan dalam kabinet negeri selepas pelantikan ketua menteri baru itu, beliau berkata: "Itu saya tidak tahu, kita harus memikirkan satu persatu dahulu, yang pertam ialah jawatan ketua menteri."

-- BERNAMA

JS RON